

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR**  
**BILANGAN 9/1985**

---

**AKTA KANUN TANAH NEGARA (PINDAAN) (NO.2)**  
**1985 (AKTA A624/ 1985)**

---

Pekeliling ini dikeluarkan untuk membawa kepada pengetahuan Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah di Negeri Selangor mengenai Akta Kanun Tanah Negara (Pindaan) (No.2) 1985 yang telah diwartakan sebagai Akta A624 pada 12.09.1985 dan telah mula berkuatkuasa pada 13.09.1985. Bersama-sama ini disertakan salian Akta tersebut.

2. Sebagaimana yang dapat dilihat dalam Akta A624 itu, Seksyen 433B Kanun Tanah Negara telah dipinda bagi membolehkan orang yang bukan warganegara dan syarikat asing memegang gadaian dan lien ke atas semua jenis tanah. Akan tetapi, sekiranya berlaku kemungkinan dalam pembayaran balik pinjaman dan tanah itu dilelong, orang yang bukan warganegara dan syarikat asing tidak boleh membuat penawaran (bidding) dalam pelelongan bagi tanah yang tertakluk kepada kategori "pertanian" atau yang tertakluk kepada mana-mana syarat kegunaan bagi maksud pertanian. Bagi tanah jenis "bangunan", orang yang bukan warganegara dan syarikat asing boleh membuat penawaran dalam pelelongan tanah tersebut sekiranya diperolehi kelulusan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu. Untuk tanah yang tertakluk kepada kategori "industri" pula, tiada apa-apa sekatan yang dikenakan terhadap orang yang bukan warganegara dan syarikat asing. Peruntukan baru ini terpakai bagi semua gadaian dan lien yang telah diwujudkan, tidak kira samada sebelum atau selepas 13.09.1985.

3. Dengan adanya pindaan kepada 433B Kanun Tanah Negara yang tersebut di atas, maka perwakilan kuasa kepada Pentadbir-pentadbir Tanah Daerah di bawah Seksyen 13 Kanun Tanah Negara untuk meluluskan permohonan-permohonan yang dibuat oleh bank-bank asing berkenaan pemegangan gadaian atas tanah-tanah yang tertakluk kepada syarat kegunaan "kediaman" atau "perniagaan" sebagaimana yang dinyatakan dalam Pekeliling PTG. Sel. Bil.3/1985 adalah menjadi "obsolete" dan terbatal dengan sendirinya. Oleh itu Pekeliling PTG. Sel. Bil.3/1985 adalah dengan ini dibatalkan.

T.T  
**(ABDUL HADI BIN HAJI SIDEK)**  
PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR

Bil.(9).dlm.PTG. Sel. 9/8

Bertarikh: 1 hb Oktober 1985